



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 37 TAHUN 2013

**IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI
TAHUN 2013**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi pada tahun 2013 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah membuat keputusan supaya Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi pada tahun 2013 dibayar sebagai penghargaan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Kadar Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi pada tahun 2013 yang ditetapkan adalah sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM500.00.

3. Imbuhan Tahunan dibayar kepada pegawai dalam Kumpulan Pelaksana serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional, manakala Bayaran Khas Prestasi dibayar kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

PELAKSANAAN

4. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkhidmat pada tahun 2013 tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013.

Pegawai Yang Layak

5. Pegawai yang layak dibayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 adalah seperti berikut:

- a. pegawai lantikan tetap, sementara, *contract of service* dan guru interim;
- b. pegawai yang bercuti separuh gaji;
- c. pegawai yang bercuti tanpa gaji/ dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya/ badan antarabangsa/ syarikat swasta tetapi tidak sepanjang tahun 2013;
- d. pemandu yang dilantik oleh pegawai Gred Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan
- e. pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran dan YA Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman berdasarkan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dan Akta Saraan Hakim 1971.

6. Imbuan Tahunan sebanyak setengah bulan gaji purata atau minimum RM500.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian yang tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2013.

Pegawai Yang Tidak Layak

7. Pegawai yang tidak layak dibayar Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 adalah seperti berikut:

- a. pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut dalam tahun 2013;
- b. pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tahun 2013;
- c. pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya/ badan antarabangsa/ syarikat swasta sepanjang tahun 2013;
- d. pegawai yang dikenakan hukuman tata tertib selain daripada hukuman amaran dalam tahun 2013;
- e. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tahun 2013; dan
- f. pegawai yang meletak jawatan dalam tahun 2013.

Pegawai Yang Ditangguhkan Pemberian Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi

8. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tata tertib, ditangguhkan pemberian Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi. Pegawai hanya layak dibayar Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi sekiranya Pihak Berkuasa Tata tertib

mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman amaran.

SYARAT PEMBAYARAN

9. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini dibayar kepada pegawai yang berkhidmat dalam tahun 2013 tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013.

10. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini akan dibayar pada 2 Januari 2014. Pembayaran adalah berdasarkan gaji bulan Disember 2013 atau gaji akhir bulanan yang diterima pada tahun 2013.

11. Bagi tujuan pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi, “gaji” adalah bermaksud seperti berikut:

- a. gaji pokok;
- b. gaji pokok di gred hakiki dan Elaun Pemangkuan bagi pegawai yang memangku sesuatu jawatan;
- c. gaji yang diberi atas sebab peminjaman/ pertukaran sementara;
- d. separuh daripada gaji pokok bagi pegawai bercuti separuh gaji; dan
- e. Elaun Bulanan bagi guru interim.

KAEDAH PENGIRAAN

12. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM500.00 adalah dibayar secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut

termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran A**.

13. Pegawai yang dinaikkan pangkat/ dilantik secara Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL)/ dipinjamkan/ ditukar sementara/ bertukar skim perkhidmatan pada tahun 2013, perkiraan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi hendaklah berdasarkan gaji bulan Disember 2013 atau gaji akhir bulanan yang diterima pada tahun 2013. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran B**.

14. Bagi pegawai berpencen yang bersara/ meninggal dunia pada tahun 2013, Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM500.00 adalah dibayar oleh jabatan terakhirnya secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tahun 2013. Jumlah Imbuhan Tahunan patut terima hendaklah diselaraskan (*journalise*) dengan Bayaran Khas Kewangan sebanyak RM250.00 yang akan dibayar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran C**.

15. Bagi pegawai tidak berpencen yang meninggal dunia pada tahun 2013, Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM500.00 adalah dibayar oleh jabatan terakhirnya secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tahun 2013. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran D**.

16. Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik semula secara *contract of service* dan masih berkhidmat pada tahun 2013 layak dibayar Imbuan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 berdasarkan gaji bulan Disember 2013 atau gaji akhir bulanan yang diterima pada tahun 2013. Jumlah Imbuan Tahunan patut terima hendaklah diselaraskan (*journalise*) dengan Bayaran Khas Kewangan sebanyak RM250.00 yang akan dibayar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran E**.

17. Bagi Pekerja Sambilan Harian, Imbuan Tahunan adalah sebanyak setengah bulan gaji berdasarkan purata gaji bulanan atau kadar minimum sebanyak RM500.00 tertakluk kepada tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tahun 2013. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran F**.

18. Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini tidak boleh diselaraskan jika berlaku apa-apa keputusan dasar mengenai pelarasan gaji selepas 31 Disember 2013. Dalam keadaan di mana sesuatu keputusan dasar pelarasan gaji dalam tahun 2013 masih tidak dilaksanakan kerana kelewatan pentadbiran, pegawai layak diberi pelarasan Imbuan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi.

JABATAN YANG MEMBAYAR

19. Pembayaran Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

20. Bagi pegawai yang bersara atau meninggal dunia dalam tahun 2013, bayaran Imbuan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi adalah menjadi tanggungan jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

TARIKH KUAT KUASA

21. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

22. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

29 November 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**CONTOH PENGIRAAN
IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI TAHUN 2013**

Contoh 1: Pegawai Lantikan Baru Pada 1 April 2013

Puan Zaitun telah dilantik sebagai Pegawai Penyediaan Makanan Gred C41 pada 1 April 2013 dengan gaji permulaan sebanyak RM2,147.45.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left(0.5 \times \text{gaji Disember 2013} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right)$$

$$= \left(0.5 \times RM2,147.45 \times \frac{275^a}{365^b} \right)$$

$$= \mathbf{RM808.97}$$

^a 275 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 April 2013 hingga 31 Disember 2013

^b 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 2: Pegawai Lantikan Baru Yang Layak Dibayar Imbuhan Tahunan Dengan Kadar Minimum RM500.00

Encik Zahrullail telah dilantik sebagai Pensyarah Universiti Gred DS45 pada 2 Disember 2013 dengan gaji permulaan sebanyak RM2,878.00.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left(0.5 \times \text{gaji akhir bulanan 2013} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right)$$

$$= \left(0.5 \times \text{RM2,878.00} \times \frac{30^a}{365^b} \right)$$

$$= \text{RM118.27 (layak dibayar kadar minimum RM500.00)}$$

Memandangkan pegawai telah memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2013, pegawai layak dibayar Imbuhan Tahunan sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM500.00. Berdasarkan pengiraan, didapati kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah kurang daripada RM500.00, maka pegawai layak dibayar Imbuhan Tahunan sebanyak **RM500.00** iaitu kadar minimum yang ditetapkan.

^a 30 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 2 Disember 2013 hingga 31 Disember 2013

^b 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 3: Pegawai Bercuti Separuh Gaji Dalam Tahun 2013

Puan Faizah yang berkhidmat sebagai Pegawai Syariah Gred LS44 telah menggunakan kemudahan Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anaknya yang sakit bagi tempoh mulai 1 April 2013 hingga 30 April 2013. Pegawai telah melaporkan diri dan bertugas semula mulai 1 Mei 2013. Gaji pegawai pada Disember 2013 adalah sebanyak RM3,583.04.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= \left[\left\{ 0.5 \times \text{gaji Disember 2013} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right\} + \left\{ 0.5 \times \left(\frac{1}{2} \times \text{gaji Disember 2013} \right) \times \frac{\text{bil. hari CSG}}{365} \right\} \right. \\ &+ \left. \left\{ 0.5 \times \text{gaji Disember 2013} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right\} \right] \\ &= \left[\left\{ 0.5 \times RM3,583.04 \times \frac{90^a}{365} \right\} + \left\{ 0.5 \times \left(\frac{1}{2} \times RM3,583.04 \right) \times \frac{30^b}{365} \right\} \right. \\ &+ \left. \left\{ 0.5 \times RM3,583.04 \times \frac{245^c}{365^d} \right\} \right] \\ &= [RM441.74 + RM73.62 + RM1,202.53] \\ &= \mathbf{RM1,717.89} \end{aligned}$$

^A Bagi tempoh 1 Januari 2013 hingga 30 Mac 2013

^B Bagi tempoh 1 April 2013 hingga 30 April 2013

^C Bagi tempoh 1 Mei 2013 hingga 31 Disember 2013

^a 90 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2013 hingga 30 Mac 2013

^b 30 hari - Bilangan hari Cuti Separuh Gaji (CSG) dari 1 April 2013 hingga 30 April 2013

^c 245 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Mei 2013 hingga 31 Disember 2013

^d 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 4: Pegawai Yang Dikenakan Tindakan Tatatertib

Surat pertuduhan tatatertib terhadap Encik Mat yang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir Gred N17 telah dikeluarkan pada 15 November 2012. Lembaga Tatatertib yang bersidang telah mengambil keputusan amaran dan tangguh pergerakan gaji* beliau melalui surat hukuman tatatertib yang dikeluarkan pada 20 Januari 2013. Gaji pegawai pada Disember 2013 adalah sebanyak RM1,491.01.

Pegawai **tidak layak** dibayar Imbuhan Tahunan 2013 sebanyak setengah bulan gaji atau kadar minimum RM500.00 kerana dijatuhkan hukuman tatatertib tangguh pergerakan gaji yang dikeluarkan pada 20 Januari 2013.

Nota:

*Hukuman tatatertib adalah diperuntukkan di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 seperti berikut:

- (i) amaran;
- (ii) denda;
- (iii) lucut hak emolumen;
- (iv) tangguh pergerakan gaji;
- (v) turun gaji;
- (vi) turun pangkat; atau
- (vii) buang kerja

Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib selain daripada amaran tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan.

Contoh 5: Kenaikan Pangkat Yang Tarikh Kuat Kuasanya Dikebelakangkan Dengan Surat Penyiaran Dikeluarkan Pada Tahun 2014

Encik Sham telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2013 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 15 Januari 2014. Gaji diterima pegawai pada bulan Disember 2013 di Gred F41 ialah RM3,287.45. Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai di Gred F44 adalah RM3,512.45.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left(0.5 \times \text{gaji Disember 2013} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right)$$

$$= \left(0.5 \times RM3,287.45 \times \frac{365}{365}^a \right)$$

$$= \mathbf{RM1,643.73}$$

^a 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 6: Kenaikan Pangkat Yang Tarikh Kuat Kuasanya Dikebelakangkan Dengan Surat Penyiaran Dikeluarkan Pada Tahun 2013

Puan Norizawati telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 1 Julai 2013 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 15 Oktober 2013. Gaji terakhir pegawai di Gred F41 ialah RM3,287.45. Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai di Gred F44 adalah RM3,512.45.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left(0.5 \times \text{gaji Disember 2013} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right)$$

$$= \left(0.5 \times RM3,512.45 \times \frac{365}{365}^a \right)$$

$$= \mathbf{RM1,756.23}$$

^a 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

**Contoh 7: Pegawai Yang Dipinjamkan Ke Badan Yang Diasingkan
Pengurusan Saraannya**

Encik Amran yang berkhidmat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48 telah dipinjamkan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dari 1 Jun 2011 hingga 31 Mei 2013. Beliau kemudiannya telah kembali bertugas di Kementerian Belia dan Sukan pada 1 Jun 2013. Gaji pegawai pada Disember 2013 adalah sebanyak RM5,936.91.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left(0.5 \times \text{gaji Disember 2013} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right)$$

$$= \left(0.5 \times RM5,936.91 \times \frac{214^a}{365^b} \right)$$

$$= \mathbf{RM1,740.41}$$

^a 214 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Jun 2013 hingga 31 Disember 2013

^b 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 8: Pegawai Yang Dipinjamkan Ke Badan Antarabangsa

Puan Satminder yang berkhidmat sebagai Pegawai Penyelidik Gred Q52 telah dipinjamkan ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dari 1 Oktober 2011 hingga 30 September 2013. Beliau kemudiannya kembali bertugas di Agensi Nuklear Malaysia pada 1 Oktober 2013. Gaji pegawai pada Disember 2013 adalah sebanyak RM7,031.29.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left(0.5 \times \text{gaji Disember 2013} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right)$$

$$= \left(0.5 \times RM7,031.29 \times \frac{92^a}{365^b} \right)$$

$$= \mathbf{RM886.14}$$

^a 92 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Oktober 2013 hingga 31 Disember 2013

^b 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 9: Pegawai Yang Bersara (Penerima Pencen) Pada 25 Disember 2013

Encik Azman yang berkhidmat sebagai Pembantu Penguasa Kastam Gred W26 telah bersara pada 25 Disember 2013. Gaji terakhir pegawai adalah RM3,497.76.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

= *Jumlah Imbuhan Tahunan patut terima – Bayaran Khas Kewangan (Dis. 2013)*

$$= \left(0.5 \times \text{gaji akhir bulanan 2013} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right) - RM250.00$$

$$= \left(0.5 \times RM3,497.76 \times \frac{358^a}{365^b} \right) - RM250.00$$

$$= RM1,715.34 - RM250.00$$

$$= \mathbf{RM1,465.34}$$

^a 358 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2013 hingga 24 Disember 2013

^b 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 10: Pegawai Yang Meninggal Dunia (Bukan Penerima Pencen) Pada 1 November 2013

Puan Lee yang berkhidmat sebagai Pembantu Penguasa Kastam Gred W26 telah meninggal dunia pada 1 November 2013. Gaji terakhir pegawai adalah RM3,497.76.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left(0.5 \times \text{gaji terakhir 2013} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right)$$

$$= \left(0.5 \times RM3,497.76 \times \frac{305^a}{365^b} \right)$$

$$= \mathbf{RM1,461.39}$$

^a 305 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2013 hingga 1 November 2013

^b 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 11: Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan Yang Bersara Pada Tahun 2012 dan Dilantik Semula Secara *Contract of Service*

Encik Najib telah bersara pada tahun 2012. Beliau seterusnya telah dilantik semula secara *contract of service* dari 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2014 di Jabatan Pengajian Tinggi. Gaji pegawai pada Disember 2013 adalah sebanyak RM5,936.92.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

= ***Jumlah Imbuan Tahunan patut terima – Bayaran Khas Kewangan (Dis. 2013)***

$$= \left(0.5 \times \text{gaji Disember 2013} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right) - RM250.00$$

$$= \left(0.5 \times RM5,936.92 \times \frac{365}{365^a} \right) - RM250.00$$

$$= RM2,968.46 - RM250.00$$

$$= \mathbf{RM2,718.46}$$

^a 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 12: Pekerja Sambilan Harian

Cik Ariana telah dilantik sebagai Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 1 Ogos 2013 dengan tempoh kontraknya selama 3 bulan. Beliau dibayar gaji sebanyak RM72.00 secara harian berdasarkan bilangan hari beliau berkhidmat. Setelah tempoh kontrak berakhir, pegawai telah disambung kontraknya dari 1 November 2013 hingga 31 Januari 2014.

Bulan	Bilangan hari berkhidmat*	Gaji diterima (RM)
Ogos	20	1,440.00
September	21	1,512.00
Oktober	21	1,512.00
November	21	1,512.00
Disember	20	1,440.00
GAJI PURATA		1,483.20

*tidak termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am

Pengiraan kadar kelayakan Imbuan Tahunan bagi PSH adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 &= \left(0.5 \times \text{gaji purata} \times \frac{\text{bil. bulan berkhidmat}}{12} \right) \\
 &= \left(0.5 \times \text{RM}1,483.20 \times \frac{5}{12} \right) \\
 &= \text{RM}309.00 \text{ (layak dibayar kadar minimum RM}500.00\text{)}
 \end{aligned}$$

Memandangkan PSH tersebut telah memenuhi syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tahun 2013, beliau layak dibayar Imbuan Tahunan sebanyak setengah bulan gaji berdasarkan **purata gaji bulanan** atau kadar minimum sebanyak RM500.00. Berdasarkan pengiraan, didapati kelayakan Imbuan Tahunan beliau adalah kurang daripada RM500.00, maka beliau layak dibayar Imbuan Tahunan sebanyak **RM500.00** iaitu kadar minimum yang ditetapkan.